

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

6. Apakah tindakan yang lebih berkesan boleh diambil untuk memastikan kenderaan besar seperti lori dan bas yang kerap melanggar peraturan tidak lagi merosakkan palang di Jalan Vale of Tempe?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Bagi menangani isu kerosakan palang had ketinggian di Jalan Vale of Tempe, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memasang kamera litar tertutup (CCTV) berhampiran palang had ketinggian tersebut untuk tujuan keselamatan dan pemantauan lalulintas di kawasan ini. Sistem CCTV ini merakamkan video kejadian pelanggaran palang had ketinggian yang telah dipasang oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pihak JKR seterusnya akan memanjangkan rakaman kejadian pelanggaran palang had ketinggian oleh kenderaan seperti lori dan bas kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk siasatan lanjut dan tindakan saman sekiranya jelas kesalahan telah dilakukan oleh pemandu kenderaan tersebut.

Pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan akan dilaksanakan oleh pihak MBPP dan JPJ agar isu kerosakan palang had ketinggian di Jalan Vale of Tempe dapat dielakkan.